

MAHKAMAH TINGGI,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
KUALA LUMPUR.

Bil: (22)dlm.JK/MA 38

Tarikh: 22 Januari, 1992.

Hakim,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Majistret,
Mahkamah Majistret,
Semenanjung Malaysia.

Pendaftar Mahkamah Rendah,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 1992

Kes-Kes Sivil Di Mahkamah Sesyen

Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan bahawa kes-kes sivil di Mahkamah Sesyen dikemaskinikan seperti berikut:-

Kes-Kes Sivil Melebihi \$25,000.

Pendaftaran dan Perbicaraan Kes

Mulai dari 1 Mac, 1992 semua kes sivil yang melebihi \$25,000 yang mana pada masa ini didaftarkan di Mahkamah Sesyen di bawah Kod 51 hingga Kod 56 dan kes siasatan kewarganegaraan di bawah Kod 57, hendaklah didaftarkan dan dibicarakan di Mahkamah Sesyen seperti berikut SAHAJA:-

Alor Star
Batu Pahat
Butterworth
Georgetown
Ipoh
Johor Bahru
Kangar

Klang
Kota Bharu
Kuala Kangsar
Kuala Lumpur
Kuala Terengganu
Kuantan
Melaka

Muar
Seremban
Shah Alam
Sungei Petani
Taiping
Telok Intan
Temerloh.

...2/-

Kes-Kes Sivil TIDAK Melebihi \$25,000

Semua kes sivil yang melebihi \$10,000 tetapi tidak melebihi \$25,000 yang sekarang ini didaftarkan di Mahkamah Sesyen hendaklah terus didaftarkan di mahkamah tersebut mengikut Arahan-Arahan Amalan No: 4 Tahun 1990 dan No: 3 Tahun 1991 dan diselesaikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan dan berkenaan perkara khusus mengatasi Arahan Amalan No: 4 Tahun 1990 dan Arahan Amalan No: 3 Tahun 1991.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

Wan Adnan Bin Muhamad

(WAN ADNAN BIN MUHAMAD)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
Kuala Lumpur.

s.k.

- 1) Y.A.A. Ketua Hakim Negara.
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur.
- 2) Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur.
- 3) Y.A.A. Hakim Besar Borneo - (untuk makluman)
Mahkamah Tinggi,
Kuching, Sarawak.
- 4) Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung. - (untuk makluman)
- 5) Y.A. Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya.
Semenanjung Malaysia.

...3/-

- 6) Y.Bhg. Peguam Negara Malaysia.
Jabatan Peguam Negara,
Kuala Lumpur.
- 7) Y. Bhg. Ketua Pendaftar
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur.
- 8) Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri,
Semenanjung Malaysia.
- 9) Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kuala Lumpur.
- 10) Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya.
- 11) Majlis Peguam Malaysia,
No.5, Jalan Tun Perak,
Kuala Lumpur.
- 12) KANUN,
Dewan Bahasa & Pustaka,
Kuala Lumpur.
- 13) Malayan Law Journal,
3, Shenton Way,
14-03 Shenton House,
Singapore 01-06.
- 14) Current Law Journal,
Lot. 12, Ground Floor,
Bangunan Straits Trading,
50700 Kuala Lumpur.